

06 JUL 1999
UMNO-Khalil
KEKUATAN UMNO TIDAK TERJEJAS, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Kekuatan UMNO tidak akan terjejas ekoran pemecatan sembilan anggotanya semalam, sebaliknya lebih ramai anggota dapat dikumpul dengan penubuhan 11 cawangan baru, kata Setiausaha Agung parti itu Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, tindakan memecat sembilan anggota parti itu dibuat dengan sebab-sebab yang munasabah kerana kesalahan yang amat ketara iaitu membantu pembangkang dalam cubaan meruntuhkan parti.

"Sambil kita pecat sembilan orang, kita juga menubuhkan 11 cawangan baru dan ini bermakna keanggotaan kita tetap akan bertambah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan promosi televisyen dan pelantikan Radio Dan Televisyen Malaysia (RTM) sebagai hos penyiar bagi kejohanan Golf Piala Dunia di Seri Kembangan, dekat sini.

Majlis Tertinggi (MT) UMNO malam tadi memecat sembilan anggota terdiri daripada Ketua Bahagian Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar, empat anggota dari Bahagian Bukit Gantang, Perak iaitu Ismail Yusof, Said Othman, Tarmizi Ismail dan Jumri Sabran; Senator Hamzah Mohd Zain dari Bahagian Chenderoh, Perak; Abdul Wahab Abdullah dari Bahagian Johor Baharu, dan dua anggota dari Bahagian Tumpat iaitu Setiausaha Bahagian, Saufi Daud dan Mohamad Noor.

MT juga meluluskan penubuhan 11 cawangan baru, masing-masing satu cawangan di Terengganu, Pulau Pinang dan Perak, empat di Negeri Sembilan, dua di Johor dan dua lagi di Sabah.

Khalil juga berkata, UMNO akan terus menjalankan sesi penjelasan kepada anggotanya jika timbul sesuatu isu baru, memandangkan parti itu sebuah parti yang besar dengan jumlah 2.8 juta anggota.

"Pemberian penjelasan ini satu amalan yang berterusan, dan kalau timbul isu baru, pendekatan kita ialah kita kena beri penjelasan menerusi forum tertentu dan menggunakan struktur kepimpinan dari MT, Negeri dan Bahagian untuk menyampaikannya kepada ahli," katanya.

Beliau berkata, bila sampai masanya dan mendapat isyarat daripada Perdana Menteri dan Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, UMNO akan terus bergerak menjalankan kempen menghadapi pilihan raya akan datang.

"Pemimpin-pemimpin kanan parti memang bersiap sedia dulu seperti kenalkan pengundi. Tarikh itu bab lain. Persiapan kena buat kerana kita dah mulakan momentum untuk kempen parti. Parti lain dah lama dah berkempen, sejak dua tahun lepas," katanya.

Sebelum itu Khalil melancarkan klip video Golf Piala Dunia dan menyerahkan pita promosi kepada Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Datuk Zawawi Mahmuddin. Golf Piala Dunia akan diadakan di The Mines Golf Resort dari 18 hingga 21 Nov dengan penyertaan 64 pemain dari 32 negara.

-- BERNAMA
HRS NMO